



PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-431478

Laman Web: www.pl.gov.my

KENYATAAN MEDIA

DASAR PELANCONGAN NEGARA (DPN) 2020-2030 DAN ASPIRASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN LABUAN

LABUAN, 23 Disember 2020 – Perbadanan Labuan menyambut baik Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020 – 2030 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pagi 23 Disember 2020. DPN ini menjadi harapan kepada semua pihak yang terlibat di dalam industri pelancongan semenjak sektor ini mengalami kegawatan akibat pandemik COVID19 yang melanda dunia. Di Labuan turut mengalami kemerosotan ini apabila jumlah bilangan pengunjung pada tahun ini mencatatkan penurunan sebanyak 51.2% (perbandingan bulan November 2019 dengan November 2020). Begitu juga dengan jumlah bilangan penginap telah menunjukkan penyusutan yang amat ketara iaitu sebanyak 85% berbanding November tahun lalu.

Kemuraman industri pelancongan ini mencetuskan kegelisahan kerana produk-produk yang ditawarkan selama ini bersifat menarik pelancong datang ke dalam negara. Ketika arahan PKP dikuatkuasakan, pergerakan merentas sempadan negeri dan antarabangsa menjadi lebih terhad. Sekalipun ada program *'travel bubble'* diperkenalkan yang hanya melibatkan dua (2) kawasan bersempadan, namun situasi COVID19 di Labuan tidak mungkin membolehkan program ini dapat dilaksanakan dengan negeri atau negara jiran.

Justeru, saranan YAB Perdana Menteri agar pembangunan industri pelancongan berasaskan teknologi digital adalah amat bertepatan. Di Labuan, kita tidak seharusnya duduk diam atau ketinggalan dalam usaha untuk kelangsungan ekonomi dan pendapatan keluarga. Dengan menjadikan teknologi digital sebagai wadah alternatif pemasaran, kita masih boleh memasarkan produk Labuan seperti ikan bilis mata biru dan perusahaan makanan yang lain. Contoh ini boleh menjadi teladan kepada produk-produk yang lain.

Sekalipun UNWTO dan MTEN meramalkan bahawa pemulihan sektor pelancongan global dijangka akan mengambil masa selama dua (2) hingga empat (4) tahun, kita harus memanfaatkan dan menyokong sepenuhnya sektor pelancongan domestik. Contohnya, kita masih boleh mengadakan aktiviti berbasikal (*cycling*), mendaki (*hiking*) dan memancing (*fishing*) kerana Labuan memiliki produk alam seperti bukit, pantai dan laut. Tiga (3) aktiviti ini bergerak di dalam kitaran ekonomi yang melibatkan penduduk setempat seperti penjual dan pengusaha bengkel basikal, penjual dan penyewa alat pancing dan bot, pengusaha gerai makan dan penyewaan untuk aktiviti berkhemah di tempat *hiking*. Tambah istimewa apabila Labuan memiliki khazanah alam iaitu Labuan Geopark di kawasan *hiking* Tanjung Kubong, Bukit Minyak Gas dan Bukit Merinding yang berusia sekitar 15 juta tahun. Begitu juga dengan aktiviti memancing atau pelayaran (*cruise*) di Batu Larai-larai, Batu Piasau-piasau dan Pulau Burong memberikan panorama berbeza di kala perubahan pasang surut air.

Industri pelancongan amat sensitif dengan persekitaran. Sebarang “getaran” sekalipun dalam skala yang kecil akan merobah perancangan atau sesuatu pakej pelancongan. Hal ini kerana industri ini melibatkan semua pihak dan perlu disokong oleh faktor lain seperti cuaca, situasi politik, ekonomi, dan keselamatan. Oleh yang demikian, untuk memastikan kelestarian sektor pelancongan kerjasama dan perhatian tinggi daripada segenap penduduk di Labuan perlu digandingkan. Dalam tempoh “pemulihan” ini kita susun semula strategi dengan tindakan membaiki kemudahan, membersihkan kawasan pelancongan, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan serta menukar paradigma dan pemikiran yang menampilkan pembudayaan pelancongan yang mapan dan kelestarian produk di Labuan.

Dengan pelaksanaan DPN ini nanti diharapkan industri pelancongan di Labuan kembali “*vibrant*” malah menjadi lebih baik dari segi ekonomi dan ketrampilan budaya pelancongan di kalangan penduduk Labuan.

Mendepani 2021, Perbadanan Labuan dengan tekad yang kental bersedia menghadapi cabaran dan mengungguli perubahan landskap pentadbiran dan kemasyarakatan di Labuan untuk bersama-sama mendokong usaha mempromosikan *Rarecation Labuan & Labuan Magical*.

Disediakan oleh:
Perbadanan Labuan
23 Disember 2020